

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

SOALAN : Pertanyaan Bukan Lisan (Bertulis)

DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pembinaan Sekolah Menengah Kota Kemuning II akan dimulakan (Projek ini adalah projek UKAS pertama Kementerian Pelajaran Malaysia) dan apakah perjanjian yang telah dimeterai dengan syarikat swasta yang menjadi rakan kongsi kerajaan dalam projek ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning (2) yang terletak di Kota Raja, Klang dengan kapasiti 36 Bilik Darjah merupakan cadangan dalam Rancangan Malaysia ke-10. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), keperluan sekolah amat mendesak berdasarkan pertambahan penduduk di Kota Raja yang melebihi 1,500 unit rumah telah didiami dan sekolah menengah sedia ada iaitu SMK Kota Kemuning tidak dapat menampung pelajar-pelajar lepasan sekolah rendah yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Jemaah Menteri pada 8 November 2013 juga telah bersetuju supaya cadangan pembinaan SMK Kota Kemuning 2 (15.06 ekar) dan Pejabat Pendidikan Daerah Petaling (10.8 ekar) dilaksanakan secara kaedah pertukaran tanah (*land swap*) manakala tanah di Lot 10780, Pekan Baru Sungai Buloh, Selangor (5.9 ekar) akan diserahkan kepada syarikat yang berjaya untuk tujuan pembinaan Pusat Latihan Pra Sekolah (ECCE) setelah kedua-dua bangunan tersebut siap dibina.

Beberapa siri mesyuarat telah diadakan untuk membincangkan kos projek bagi pembinaan SMK Kota Kemuning 2 dan PPD Petaling. Beberapa siri rundingan bagi memuktamadkan nilai tanah balasan juga telah diadakan bagi mendapatkan harga serta pulangan terbaik kepada Kerajaan berdasarkan nilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Makmal Pengurusan Nilai bagi menyemak skop dan kos projek juga telah diadakan untuk memuktamadkan kos projek.

Rundingan ke atas nilai tanah balasan mengambil masa yang panjang kerana tidak dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Namun begitu, nilai tanah ini akhirnya telah dapat dimuktamadkan pada harga yang telah dipersetujui di antara Syarikat dan Kerajaan bagi membolehkan UKAS, JPM membawa perakuan keputusan ke Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Awam Swasta pada bulan April 2016 dan seterusnya diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri supaya perjanjian dapat dimeterai

Sekian. Terima kasih.